

T erkenal dengan jolokan negeri penyu bertelur, penyu sememangnya merupakan maskot ikonik Terengganu yang tiada galang gantinya.

Keunikan yang ada pada penyu juga menjadi daya penarik kepada pelancong luar termasuk pelancong asing untuk berkunjung ke negeri ini se mata-mata mahu melihat haiwan purba itu dari dekat.

Momen mengujakan pasti terpahat jika pelancong berpeluang menyaksikan detik penyu bertelur kerana dapat melihat penyu seakan-akan menangis.

Sebenarnya, jika dikatakan air mata yang keluar itu kerana 'si ibu penyu' sakit semasa bertelur, ia adalah satu mitos kerana hakikatnya air mata itu adalah untuk menyingsirkan pasir yang masuk ke mata haiwan itu apabila si ibu mengulur dan menggali pasir untuk bertelur.

Bagaimanapun, hidupan marin berkenaan sudah sekian lama berdepan kepupusan dengan penemuan bangkai penyu di sepanjang pesisir pantai negeri ini setiap tahun.

Andai penyu adalah manusia yang boleh menterjemahkan rasa sedih melalui tangisan, pastinya istilah 'penyu menangis' sangat tepat digunakan untuk menggambarkan haiwan itu meratapi nasibnya yang diancam kepupusan.

Malah kepupusan penyu tersebut sekiranya tidak ditanagi dengan bijak oleh semua pihak di kuatir akan membuatkan penyu pada suatu hari nanti hanya tinggal nama dan tiada lagi kelibat reptilia itu mendarat dan bertelur di bumi Darul Iman.

Rentetan itu wartawan Sinar Harian NORADILA MAMAHAD, MOHD AZLIM ZAINURY dan RAJHAM MOHD SANUSI mengupas topik 'Penyu menangis ratapi nasib' secara menyeluruh.



Bangkai penyu agar ditemui pengunjung di Pantai Teluk Mak Nik, Kemaman pada Februari lalu.

Sinar Harian 20/11/2018 m/s 22

Penyu menangis ratapi nasib

Kepupusan haiwan ikon Terengganu itu semakin serius



Bangkai penyu yang dijumpai di Pantai Kerteh pada Mac lepas.

KEMAMAN - Tugas yang digalas menjadikan pemajak telur penyu sangat akrab dengan reptilia itu, namun apa yang menyedihkan mereka juga adalah individu yang kerap terjumpa bangkai haiwan berkenaan di pesisir pantai.

Hati mereka bagai ditusuk saat melihat kebanyakan bangkai penyu ditemui terdampar dalam keadaan menyayat hati termasuk ada yang diikat batu pada leher, terbelah cangkerang (karapas) dan paling teruk terbelah perut.

Roslan Mohamad, 50, mendedahkan, keadaan bangkai penyu yang ditemui itu menjadi petunjuk punca haiwan tersebut mati.

Dia yang bekerja sebagai pemajak telur penyu di Pantai Kijal, Kerteh dan Paka sejak 12 tahun lalu berkata, dari pengalamannya, punca utama kematian penyu adalah disebabkan pukat pari dan terkena kipas enjin kapal atau bot.

Katanya, sebanyak 99 peratus penyu mati disebabkan tersangkut pada pukat pari yang dipasang nelayan di pinggir pantai.

"Bangkai penyu yang mati terkena pukat pari boleh dicam kalau terdapat kesan pukulan di cangkerangnya atau mana-mana bahagian badan penyu diikat bongkah batu.



ROSLAN

"Bongkah batu diikat pada badan penyu untuk tenggelamkan bangkai haiwan itu," katanya.

Dedah Roslan, nelayan pukat pari bertindak kejam dengan memukul penyu yang tersangkut pada pukat untuk membolehkan mereka melepaskan reptilia berkenaan dari pukat tersebut.

Menjelaskan lebih lanjut, dia berkata, keadaan penyu yang menggelepar terkena pukat menyebabkan kebanyakan nelayan pukat pari mengambil jalan mudah membunuh haiwan itu untuk memudahkan proses membebaskan penyu dari jaring.

Ikat batu, lupus bangkai

Selepas bebas dari pukat, badan haiwan itu diikat dengan bongkah batu agar bangkai penyu malang itu tenggelam di dasar laut sekali gus untuk menyembunyikan perbuatan kejam ke atas penyu tersebut.

Namun begitu, Roslan memerlukan tindakan tidak berperikemanusiaan itu tetap diketahui apabila ada antara penyu malang yang diikat bongkah batu itu ditolak ombak dan terdampar di pesisir pantai.

Difahamkan, pukat pari dipasang di pinggir pantai kerana keghairahan nelayan memburu dan menangkap


ikan pari berikut harganya yang tinggi di pasaran.

Tetapi keghairahan itu memberi kesan buruk kepada penyu kerana lebih teruk pukat itu bukan sahaja boleh memerangkap penyu dewasa bahkan anak penyu yang berusia seawal setahun juga.

Tambahnya lagi, penyu juga mati disebabkan terkena kipas enjin bot atau kapal semasa timbul ke permukaan air untuk menarik nafas.

"Penyu yang mati akibat terkena kipas boleh dikenal pasti kalau terdapat kecederaan pada badannya seperti cangkerang terbelah.

"Seperti yang diketahui, kawasan perairan pantai kita contohnya di Kerteh ada pelabuhan dan banyak kapal serta bot yang lalu, jadi ada antara penyu-penyu itu yang terkena kipas," katanya.



Roslan menyimpan data pendaratan penyu di semua pantai di bawah pajakannya.

Kehilangan penyu jantan

Ekoran ancaman yang wujud terhadap penyu, Roslan berkata, setiap tahun paling kurang dijumpai sebanyak 10 ekor bangkai penyu di kawasan pantai pajakannya.

Katanya, angka itu dari statistik yang dikumpulkannya kerana setiap kali terjumpa bangkai penyu, ia akan direkodkan dan laporan dihantar kepada Jabatan Perikanan Terengganu dan Dana Sedunia Alam Semula Jadi Malaysia (WWF-Malaysia).

"Dari rekod tahun lepas kira-kira 24 ekor bangkai penyu ditemui di pantai pajakan saya dan untuk tahun ini, setakat ini sebanyak 12 ekor bangkai penyu telah dijumpai dan kesemuanya adalah penyu agar."

"Tak sanggup dah saya tengok penyu berterusan mati," katanya.


Dia memberitahu, daripada jumlah penemuan bangkai yang direkodkan itu didapati antara 60 hingga 70 peratus penyu yang mati adalah jantan.

Jelasnya, ia ekoran tabiat semula jadi penyu betina yang naik bertelur di pantai dengan diiringi pasangannya, penyu jantan hingga ke gigi air.

Katanya, tabiat itu menyebabkan penyu jantan yang berlegar-legar di kawasan gigi agar.

Dari rekod tahun lepas kira-kira 24 ekor bangkai penyu ditemui di pantai pajakan saya dan untuk tahun ini, setakat ini sebanyak 12 ekor bangkai penyu telah dijumpai dan kesemuanya adalah penyu agar. Tak sanggup dah saya tengok penyu berterusan mati.

- Roslan



Penguatkuasaan yang dilakukan pada 2016 berjaya menahan nelayan bersama pukat pari yang tersangkut penyu.

air acap kali terkena pukat pari.

"Disebabkan keadaan itu banyak penyu mati terutama pada musim pendaratan untuk bertelur dari Mac hingga September setiap tahun," katanya.

Minta haramkan semua jenis penggunaan pukat pari

Sehubungan itu, Roslan berkata, cara paling berkesan mengatasi masalah kematian penyu adalah dengan mengharamkan semua jenis pukat pari tanpa mengira saiz matanya di kawasan pesisir pantai.

Tegasnya, walaupun sebelum ini Jabatan Perikanan Terengganu melakukan penguatkuasaan penggunaan pukat pari tetapi sehingga sekarang masih ada yang memasangnya.

Lebih mengejekan, ada yang memasang terlalu dekat dengan gigi air hingga pelampung pukat itu boleh disentuh dengan tangan dari tepi pantai ketika air laut surut.



Bangkai penyu yang terbelah cangkerang dijumpai di Pantai Kerteh, 10 April lalu.

Belah perut curi telur

DITANYA mengenai pengalamannya yang tidak dapat dilupakan, Roslan memberitahu, dia pernah terjumpa bangkai penyu yang dibelah perut di Pantai Kerteh pada 2013.

"Waktu itu saya pelik sebab saya jumpa trek kesan penyu naik tapi tak jumpa trek turunnya."

"Masa itu dekat waktu subuh dan keadaan masih gelap. Setelah dicari akhirnya penyu itu ditemui di gigi air dalam keadaan telah mati dan saya minta seorang lagi pembantu saya menanam bangkai itu," katanya.

Namun, katanya, apa yang memerlukan setelah diperiksa didapati penyu itu bukan mati biasa tetapi disebabkan perutnya dibelah untuk diambil telur.

Menurutnya, perbuatan itu mungkin dilakukan penagih dadah yang mahu menjual telur-telur tersebut.

"Ia jadi pengalaman yang saya tak dapat lupa tapi kes kematian penyu disebabkan gangguan sebegini cuma kes terpencil dan punca utamanya adalah disebabkan penggunaan pukat pari," katanya.



Bangkai turut ditemui dalam keadaan reput.